

**MAKLUMBALAS KEMENTERIAN KERJA RAYA SUARA KOMUNITI  
BERTAJUK “JALAN BERLUBANG ANCAM NYAWA”**

Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada laporan akhbar bertajuk **“Jalan Berlubang Ancam Nyawa”** yang disiarkan dalam ruangan Suara Komuniti Berita Harian bertarikh 30 Jun 2014. Untuk makluman, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah telah menyiasat lokasi aduan yang dimaksudkan dan mendapati lokasi yang dinyatakan di dalam laporan berkenaan adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Sehubungan itu, JKR Negeri Sabah telahpun memaklumkan dan menyelaras aduan ini kepada pihak DBKK bertarikh 1 Julai 2014.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**